SOALAN LAZIM & JAWAPAN BERKAITAN PERMOHONAN BANTUAN KECEMASAN KELANGSUNGAN HIDUP

EKORAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana caranya untuk saya menyemak status permohonan Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup Covid-19 MAIPk 2020?	Pihak tuan / puan boleh membuat semakan permohonan dengan melayari pautan berikut ***online.maiamp.gov.my/kecemasan***
2.	Saya telah mengisi permohonan bantuan ini, namun setelah disemak didapati tiada rekod di dalam sistem.	Perkara ini berlaku disebabkan jumlah permohonan yang sangat tinggi dan ini menyebabkan aliran / trafik sistem menjadi sibuk seterusnya mengakibatkan data pemohon tidak dapat disimpan dalam tempoh berkenaan. Permohonan sebegini dianggap tidak Berjaya.
3.	Mengapakah permohonan saya gagal?	Permohonan yang tidak berjaya adalah disebabkan : • Permohonan bukan atas nama ketua keluarga • Pendapatan bulanan isirumah melebihi RM2,000.00 • Pemohon merupakan penerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIPk • Bukan menetap di Negeri Perak Darul Ridzuan • Pekerjaan dan pendapatan tidak terjejas sepanjang tempoh PKP dilaksanakan • Nama pemohon dan maklumat akaun bank yang tidak selaras

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Saya telah membuat semakan dan keputusan adalah lulus. Bilakah bayaran akan dikreditkan ke akaun bank saya?	Pembayaran sedang dibuat secara berperingkat oleh pihak MAIPk kepada 20,470 orang penerima. Proses bayaran dijangka akan selesai selewat-lewatnya dalam bulan Ramadan ini.
5.	Adakah saya masih boleh memohon Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup Covid-19 MAIPk 2020 ini?	Dimaklumkan permohonan bantuan ini hanya dibuka bermula 20 hingga 27 Mac 2020 sahaja. Permohonan yang dibuat selepas tempoh tersebut dianggap tidak diterima dan tidak berjaya.
6.	Permohonan saya telah lulus namun dimaklumkan terdapat kesilapan pada nombor akaun bank / akaun bank tidak aktif. Bagaimanakan caranya saya ingin membuat pembetulan berkenaan maklumat akaun bank tersebut?	Dipohon kerjasama pihak tuan / puan untuk melengkapkan maklumat berikut : • Nama penuh pemohon : • No. kad pengenalan pemohon : • No. telefon pemohon : • No. akaun bank yang aktif : Pemohon /isteri/waris terdekat • Nama pemegang akaun : • No. kad pengenalan pemegang akaun : • Hubungan pemegang akaun dengan pemohon : *Sila panjangkan maklumat ini kepada : 1 : “Inbox messenger” laman Facebook Zakat Perak – MAIPk ; atau 2 : Email maklumat di atas ke korporat@maiamp.gov.my
7.	Adakah pihak MAIPk akan menghubungi penerima Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup Covid-19 MAIPk 2020 sekiranya terdapat kesilapan no.akaun atau perkara berkaitan?	Ya, Pihak MAIPk akan hubungi penerima Bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup Covid-19 MAIPk 2020 yang transaksi kemasukan wang bantuan TIDAK BERJAYA disebabkan kesalahan no akaun atau no akaun tidak aktif bermula 15 April 2020. Penerima perlu memberi maklum balas segera, dan sekiranya tidak ada maklum balas, maka permohonan tersebut akan ditolak. Pihak MAIPk akan membuat panggilan daripada talian rasmi iaitu **05-208 4000.**